

## BAB 3

### KAEADAH DAN PROSEDUR

#### **3.0 PENGENALAN**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau pengajaran Chengyu Tahun 6 di SRJK (C) di negeri Perak. Aspek-aspek yang akan menjadi tumpuan kajian ini ialah strategi dan teknik mengajar Chengyu, pandangan guru terhadap kegunaan pengajaran Chengyu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina, dan masalah yang dihadapai guru dalam pengajaran Chengyu. Oleh yang demikian, penyelidikan tinjau selidik dianggap kaedah yang sesuai digunakan, dan instrumen pengumpulan data yang utama ialah soal selidik untuk guru.

Di samping menggunakan soal selidik untuk guru, minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu dikenal pasti melalui temu bual ringkas. Dalam temu bual dengan murid, soalan-soalan terbuka ditanya untuk membolehkan pengkaji memungut data dan seterusnya membuat rumusan terhadap pendapat mereka.

#### **3.1 KAEADAH KAJIAN**

##### **3.1.1 Soal selidik**

Satu soal selidik mengandungi 30 soalan yang direka bentuk oleh pengkaji merupakan instrumen utama ditadbir kepada 30 orang guru (responden) yang mengajar Bahasa Cina Tahun 6 daripada sembilan buah SRJK (C) di negeri Perak. Memandangkan Chengyu ialah satu aspek bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina, soal selidik ini ditulis dalam bahasa Cina (Lampiran B). Tambahan pula, responden-responden bagi soal selidik ini adalah terdiri daripada guru Bahasa Cina

yang lebih mahir dalam bahasa Cina. Bagaimanapun, soal selidik ini telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu (Lampiran C) untuk rujukan.

Soal selidik tersebut mengandungi 30 soalan. Soalan 1 hingga Soalan 27 ialah soalan-soalan berstruktur. Soalan 28 hingga Soalan 30 ialah soalan terbuka yang memerlukan responden memberi pendapat mereka secara bebas.

Menurut Youngman (1982), soal selidik hanya berfungsi jika ia direka bentuk dengan sewajarnya. Beliau berkata,

*" Questionnaires are probably the most common method of collecting information. They are cheap to administer, can be sent to a large number of subjects and, provided they are well designed, are relatively easy to analyse. However, questionnaires are difficult to design. Finding the right words, the best layout and the method of distribution most likely to yield a good response is skilled work." (m.s 156)*

Untuk menjamin kesahan soal selidik yang direka bentuk oleh pengkaji, ia telah dikemukakan kepada penyelia kursus pengkaji. Beliau telah memberikan pandangan dan nasihat khasnya dari segi pengagihan soalan dan pemilihan atau penyusunan kata-kata untuk melahirkan makna yang jelas dan khusus. Selain daripada itu, kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan kesesuaian dan ketepatan soal selidik.

Soal selidik ini direka bentuk supaya mengandungi lima bahagian seperti yang disenaraikan di bawah:

- i. Butiran peribadi guru
- ii. Bahagian I : Strategi dan teknik pengajaran Chengyu

- iii. Bahagian II: Pandangan guru terhadap kegunaan pengajaran Chengyu
- iv. Bahagian III: Masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran Chengyu
- v. Bahagian IV : Minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu

### **3..2 Temu Bual Dengan Murid**

Pengkaji telah menjalankan temu bual dengan 21 orang murid daripada sembilan buah sekolah yang terpilih untuk mengenal pasti minat mereka terhadap pengajaran dan pemelajaran Chengyu. Responden-responden ini ditemu bual secara perseorangan.

Satu Skedul Soalan Temu Bual Dengan Murid (Lampiran D & E) disediakan untuk memastikan data yang relevan dapat dikutip semasa menjalankan temu bual. Skedul ini telah diuji kerelevannya dalam kajian rintis.

### **3.1.3 Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dijalankan di SRJK (C) Sam Chai, Ipoh pada 16 Februari 1998. Sekolah ini dipilih kerana sekolah ini sekolah gred A dan semua guru Bahasa Cina Tahun 6 terdiri daripada guru terlatih dan berpengalaman pengajaran. Oleh itu, keadaan sekolah dan guru adalah sangat menyerupai sampel dalam kajian sebenar.

Setelah diterangkan tujuan kajian dan tanggungjawab responden kajian rintis, enam orang guru Bahasa Cina Tahun 6 diberikan satu minggu untuk menjawab soalan-soalan dalam soal selidik. Pengkaji telah bertemu dengan responden tersebut sekali lagi pada 23 Februari 1998 supaya enam orang responden ini dapat membekalkan maklum balas terhadap relevannya dan kejelasan soalan-soalan, format, dan masa yang diperlukan untuk menjawab soalan-soalan dalam soal selidik.

Skedul Soalan Temu Bual Dengan Murid yang disediakan telah juga digunakan dalam kajian rintis dengan mengadakan temu bual dengan tiga orang murid di sekolah yang sama. Didapati dengan panduan Skedul ini, temu bual dengan murid dapat dijalankan dengan licin dan data dapat diperoleh seperti yang dijangkakan.

### **3.1.4 Pindaan**

Daripada maklum balas yang diberikan oleh responden-responden kajian rintis, didapati hampir semua soalan yang ada dalam soal selidik adalah cukup jelas dan cukup khusus. Pindaan hanya dibuat ke atas Soalan 7 kerana ianya mungkin menimbulkan keraguan. Dicadangkan oleh responden supaya perkataan “biasanya” digariskan untuk memudahkan responden kajian sebenar menentukan jawapan yang lebih relevan.

## **3.2 SAMPEL**

### **3.2.1 Sekolah**

Sekolah yang menjadi sampel terdiri daripada sembilan buah SRJK (C). Sekolah-sekolah ini dipilih dari dua daerah di negeri Perak, iaitu Daerah Kinta yang merupakan daerah bandar dan Daerah Kuala Kangsar yang merupakan daerah luar bandar. Antara sembilan buah sekolah yang dipilih, tiga buah sekolah gred A telah dipilih secara rawak dari Daerah Kinta, manakala enam buah sekolah gred B dipilih secara rawak dari Daerah Kuala Kangsar.

Senarai dan pembahagian responden dari sembilan buah sekolah yang dipilih untuk menjadi sampel kajian adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1.

**Jadual 3.1**

**Pembahagian Responden Mengikut Sekolah Dan Gred Sekolah**

Sekolah	Gred Sekolah	Bil. Kelas Tahun Enam	Bilangan Guru	Bilangan Murid
1. SRJK(C) Sam Tet	A	9	9	3
2. SRJK(C) Wan Wah (1)	A	6	6	3
3. SRJK(C) Wan Wah (2)	A	5	5	3
4. SRJK(C) Pasir Pinji (1)	B	2	2	2
5. SRJK(C) Min Sin	B	2	2	2
6. SRJK(C) Pui Ying	B	2	2	2
7. SRJK(C) Simpang Jalong	B	2	2	2
8. SRJK(C) Sungai Buluh	B	2	1	2
9. SRJK(C) Rimba Panjang	B	1	1	2
<b>Jumlah:</b>		<b>31</b>	<b>30</b>	<b>21</b>

### **3.2.2 Guru**

Setiap kelas Bahasa Cina Tahun 6 diajar oleh seorang guru Bahasa Cina memang telah lama menjadi tradisi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Akan tetapi, S.R.J.K. (C) Sungai Buluh adalah agak berlainan kerana dua kelas Bahasa Cina Tahun 6 diajar oleh seorang guru sahaja. Oleh yang demikian, 31 kelas Bahasa Cina Tahun 6 yang dipilih hanya dapat membekalkan 30 orang guru untuk menjadi sampel kajian ini (Sila lihat Jadual 3.1).

Pengkaji telah menentukan guru Bahasa Cina Tahun 6 sebagai sampel kajian disebabkan Tahun 6 merupakan kelas peperiksaan, iaitu murid-murid akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Biasanya kelas peperiksaan diajar oleh guru-guru terlatih dan berpengalaman. Guru-guru yang menjadi sampel kajian diminta menjawab soalan-soalan dalam soal selidik dan mengembalikan soal selidik itu dalam masa satu minggu.

### 3.2.3 Murid

Bilangan murid daripada setiap sekolah yang menjadi sampel adalah berdasarkan gred sekolah, iaitu tiga orang murid Tahun 6 dari setiap sekolah gred A dan dua orang murid Tahun 6 dari sekolah gred B. Dengan itu, jumlah murid dari sembilan buah sekolah berjumlah 21 orang ( Sila lihat Jadual 4.1).

Murid-murid daripada setiap sekolah dipilih secara rawak, iaitu murid yang kelima belas dalam senarai nama tiga buah kelas yang pertama untuk sekolah gred A, dan dua buah kelas yang pertama untuk sekolah gred B. Diandaikan murid Tahun 6 telah memperoleh pengetahuan yang mencukupi terhadap Chengyu setelah mempelajarinya pada lima tahun persekolahan yang lepas. Tambahan pula, murid-murid yang akan meningkat ke sekolah menengah ini sepatutnya telah mempelajari banyak Chengyu, sebelum mereka melanjutkan pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi tidak lama lagi.

### **3.3 PROSEDUR PENYELIDIKAN**

Setelah memperoleh kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 6 Februari 1998, pengkaji seterusnya memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak pada 11 Februari 1998 untuk menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar di 10 buah SRJK (C) di Daerah Kinta dan Daerah Kuala Kangsar.

Pada 16 Februari 1998, kajian rintis dijalankan di sebuah sekolah gred A di Daerah Kinta untuk memastikan kesesuaian dan ketepatan soal selidik bagi responden. Di samping itu, Skedul Soalan Temu Bual Dengan Murid juga digunakan untuk memastikan soalan yang ditanya adalah cukup jelas dan cukup khusus.

Pindaan ke atas soalan 7 dalam soal selidik dibuat setelah pertemuan kali yang kedua dengan responden-responden kajian rintis pada 23 Februari 1998, iaitu seminggu selepas soal selidik ditadbir kepada mereka. Skedul Soalan Temu Bual Dengan Murid didapati sempurna, iaitu dapat memandu temu bual dan data dapat dikumpul daripada murid seperti yang dijangkakan.

Setelah instrumen yang lengkap dan kemas kini telah bersiap sedia, pengkaji mulai melawat sekolah-sekolah yang terpilih dari 24 Februari 1998 hingga 4 Mac 1998 untuk memperoleh kebenaran daripada guru-guru besar sekolah yang terlibat dan menyerahkan soal selidik kepada guru yang menjadi sampel kajian. Dalam pertemuan dengan guru-guru yang menjadi sasaran pengumpulan data, pengkaji menjelaskan tujuan kajian dan menerangkan cara menjawab soalan yang terdapat di dalam soal selidik.

Setelah membahagikan soal selidik kepada responden, pengkaji menjalankan temu bual dengan murid yang menjadi sampel kajian secara perseorangan. Temu bual yang dijalankan berdasarkan Skedul Soalan Temu Bual Dengan Murid dirakam untuk memudahkan pengkaji memperoleh data kemudian.

Soal selidik yang telah diisi oleh responden dikutip seminggu selepasnya apabila pengkaji melawat sekolah pada kali yang kedua. Setelah kesemua soal selidik, iaitu 30 set semuanya dikutip, kerja-kerja penganalisisan data terus dimulakan.